

JAWATANKUASA PENYELIDIKAN BUDAYA N.S.

JAWATANKUASA PENYELIDIKAN BUDAYA N.S

ADAT PEPATIH

Tarikh Pertemuan : 5hb Oktober 1989

Biodata.

Busin Bin Kassim
22, Rumah Rakyat Sungai Layang,
Rembau, Negeri Sembilan.

Beliau pernah berkhidmat sebagai setiausaha Undang, selama 15 tahun. Selepas lima belas tahun perkhidmatannya di pejabat undang Rembau, beliau telah meminta untuk ditukarkan kebahagiaan lain. Kini beliau berkhidmat di pejabat tanah Daerah Rembau. Pengalamannya selama 15 tahun itulah yang perlu diselidiki, begitu juga halnya sebab-sebab mengapa beliau meminta untuk ditukarkan kebahagiaan lain. Perlu juga diingatkan beliau pernah memilih menjadi pengerusi Group Teater Rembau selama lima tahun tetapi atas sebab-sebab tertentu beliau telah meninggalkan group teater Rembau. Mengapa orang yang berwibawa seperti beliau mengalami situasi seperti yang telah beliau hadapi ?

Untuk membuat pengkajian tentang adat pepatih sebenarnya adalah sesuatu kajian yang paling luas. Justeru daripada itu temuramah ini dibuat secara ringkas yang mungkin dan mengikut format atau garis panduan penyelidikan budaya Negeri Sembilan.

Dato' lembaga yang ada di Rembau adalah berjumlah seramai 24 orang, iaitu termasuk 4 orang sebagai yang digelar orang besar undang. Mempunyai gelaran-gelaran tertentu. Orang besar ini sebenarnya bukanlah sebagai Dato' lembaga sebetulnya tetapi hanyalah sebagai orang kanan dan penasihat kepada Dato' undang. Jadi menurut perbilangan adat, 'kalau ke darat menjadi tongkat kelaut menjadi apung' begitulah halnya mengenai tugas-tugas orang besar undang tersebut. Selebih dari itu adalah Dato'-Dato' lembaga yang mengetuai suku. Di Rembau mengandungi 12 suku. Yang diketuai oleh dato'-Dato' lembaga tersebut.

Salasilah jurai keturunan pusaka waris Dato' lembaga. Dipercayai Dato' lembaga datangnyadari Minangkabau, Sumatera dan datang ke Negeri Sembilan. Lalu, mereka telah membuka kampung-kampung di Negeri Sembilan. Contohnya Kampung Tanah Datar dibuka oleh Dato'-Dato' lembaga yang datang dari Tanah Datar, begitu juga halnya dengan kampung Selemak juga berasal dari kampung yang terdapat disana.

Mengikut ketentuan daripada perut mana dan ruang yang mana. Dato' lembaga dipilih mengikut gilirannya seperti perut yang pertama, kedua, ketiga dan keempat atau seterusnya. Perut ini tidak ada ketetapan. Mengikut kata adat lembaga akan memerintah suku. Ini bermakna lembaga adalah ketua adalah ketua bagi satu suku. Justeru itu Rembau tidak dinamakan Luak. Kerana Luak adalah meliputi semua daerah Rembau. Hanya Undang yang akan memerintah Luak. Lembaga pula hanya akan memerintah suku. Antara luak dan luak adalah sama yang boleh diertikan sebagai daerah, cuma luak itu digunakan dalam bahasa inggeris dahulu.

Di Rembau ada yang disebut sebagai lembaga yang delapan, ianya terdiri daripada jajahan lembaga yang di Baruh iaitu Dato' Gempamaharaja yang memerintah suku Batu Hampar. Kedua, Dato' Merbangsa lembaga bagi suku Paya Kumbuh. Ketiga, Dato' Bangsabalang lembaga suku tiganenek. Keempat, Dato' Samsura pahlawan lembaga bagi suku Mungkal. Kelima, Dato' Serimaharaja lembaga bagi suku Paya Kumbuh. Keenam, Dato' Sindamaharaja yang memerintah suku Serilemak, ketujuh, Dato' Andika memerintah suku Satu Belang dan yang kelapan adalah Dato' Mendelika iaitu lembaga bagi suku Seri Melenggang. Kelima hingga kelapan sebenarnya adalah Dato'-Dato' lembaga yang memerintah di darat.

Ada lagi yang disebut sebagai lembaga dua belas. Lembaga yang dua belas ini terdiri daripada

1. Dato' Furba (terbahagi kepada dua yakni Jakun dan Jawa)-Biduanda
2. Dato' Futih memerintah suku Batu Hampar Petani
3. Dato' Ganti Maharaja memerintah suku anak Melaka
4. Dato' Raja Sendera lembaga suku Tanah Datar.
5. Dato' Lela Wangsa ketua suku bagi Anak Acheh
6. Dato Lela Raja lembaga bagi suku Tiga Batu
7.
8.
9.
10.
11. Dato' Mengkwa .
12. Dato' Dagang memerintah bagi suku Seri Melenggang.

Penjelasan yang dapat diberi itu hanyalah pengelasan sepintas lalu sahaja. Hakikatnya begitulah susunan atau struktur Dato'-Dato' lembaga tersebut. Walaubagaimana pun dalam lembaga yang dua belas tersebut. Daripada Dato' lembaga pertama hingga ke sebelas memerintah sebelah Baruh manakala yang kedua belas memerintah sebelah darat.

Kata orang 'Bulat anak buah melantik Buapak'. Ini bermakna bulat anak buah melantik buapak, bulat buapak melantik lembaga dan bulat lembaga melantik undang. 'Bulat' disini bermakna permuafakatan untuk melantik mereka- sebagai buapak bagi sesuatu suku. Tiap-tiap suku mempunyai buapak masing untuk melantik lembaga. Untuk melantik lembaga pula ada beberapa syarat yang perlu dipatuhi. Antaranya adalah berkenaan sifat fizikalnyas seperti beliau mestilah tidak ada cacat celanya seseorang calon pemimpin itu juga seharusnya seorang lelaki dari segi mentalnya ianya adalah seorang yang berwibawa, rasional, terbuka, berkebolehan untuk mengatasi sebarang masalah yang diadu oleh anak buah. Ianya juga perlu berketurunan ini bermakna dari suku Semelenggan tidak boleh dilanti buapak dari suku lain dari Semelenggan.

Dengan kebulatan undang yang empat, yakni Undang Rembau Undang Luak Johol, Undang Luak Jempol dan Undang Sungai Ujong mereka akan melantik keadilan akan melantik Yang Dipertuan Besar. Maka seterusnya akan melantik Yang Dipertuan Agung. Justeru itu ianya dapat dilihat pemilihan daripada rakyat.

Majlis kerjan, sesuai bagi Dato' Undang yang dipilih. Ianya bagi merayakan atau mengesahkan bagi pemilihan seseorang Dato' Undang tersebut. Pada hari atau istiadat pertabalan kesemua anak-anak buah akan berkumpul di balai undang bagi merayakan Dato' Dato Undang. Selain daripada itu kesemua pegawai-pegawai daerah akan dijemput, begitu juga halnya dewan keadilan undang yang diketuai oleh Yang Dipertuan Besar.

Adat terbahagi kepada beberapa kategori. antaranya adat yang sebenar-benar adat, Adat istiadat dan adat kebiasaan iaitu ads yang diadatkan. Mengikut kajian yang terperinci hanya ada dua waris atau suku sahaja yang sedia terlantik iaitu suku Maharaja dan Sedia Raja. Ini sebenarnya sememangnya satu kebiasaan atau peraturan yang telah dipakai sejak zaman dahulu kala lagi. Ianya sebenarnya dari suku Biduanda yang terbahagi kepada dua pecahan yakni Sedia Raja dan Lela Maharaja. Suku lain samada suku semelenggan atau Batu Nampar tidak berhak untuk memegang pusaka. Sedia Raja tadi berasal dari Jawa manakala Lela Maharaja dari Jakun.

Adat itu disebut adat diusul dipakai sejak zaman dahulu kala lagi. Suku Bidyanda tadi juga disebut sebagai waris yang dua carak. Manakala peraturan itu juga tidak boleh diubah. Kalau dicabut ia mati di anjak ia layu.

Ferbilangn adat yang menyentuh asal usul adat pepatih di daerah Rembau.

Asal usul tu jangan ketinggalan
biar terang biar nyata
biar usul pangkal kata
sebingkan tanah sebalik
selilit biar perca
selingkung tanah Minangkabau
turunlah dari pagar Ruyung
melalui ulu sungai Muar
naik ke gunung Rembau
tempat ular tidur bergelung
tempat musang tidur berlonggok
maka, turun pula ke Baruh
tempat balai yang berjejeran
lalu terus ke Kuala
tempat perahu sangget menyangget
tempat keling putar memuter
tempat galah bersilang seli
tempat cine timbang menimbang
maka, berjumpalah antara kedua adik beradik
satu bergelar Datuk Temenggung
kedua bergelar Datuk Iepatih
Datuk pepatih pinang sebatang
diam di Ulu Sungai Ibul
sorang memegang hukum Temenggung
sorang memegang hukum pepatih
inilan maklum yang pengadap
jadi adat yang putih seperti kapas
hukumnya lembut seperti air
adat yang berteras berteladan
bersesak berjerami
bercincang berlandehan
berlompat bersitumpuan
berukur berjangka
berteras berlembaga
adat bersendikan syarak
syarak bersendikan Kitabullah

adat beratur dibahagi dua
kelaut adat Temenggung
ke Darat adat pepatih
kalau adat temenggung

kata orang;
siapa menjale siapa terjun
siapa bersalah siapa bertimbang
siapa berhutang siapa membayar
siapa membunuh siapa kena bunuh
hutang darah dibalas darah
hutang nyawa dibalas nyawa

kalau adat pepatih;
adat berdiri dengan tanda
hukum beli dengan saksi
bercincang berlandeahan
berlompat bersetumpuan
kok bertali tempat menghela
kok bertangkai tempat memegang
kok berjurai tempat bergantung
hutang bercagar pinjam berganti
beri berjemput agih bernantar
simpan bertuah cagar bergadai
hutang ditagin piutang diterima
cagar ditebus gadai diterus
cincang pampas bunuh beri gelas

ini merupakan kesimpulan atau inti tentang adat pepatih. Dari situ dapat diberi satu penilaian ianya tentang hukum hidup yang mengandungi peraturan-peraturan hidup yang perlu dipatuhi. Andainya kita tidak dapat memahami kita akan menganggap ianya menyalahi hukum syarak. Contohnya 'Biar mati anak, jangan mati adat'. Seolah-olah anak itu tidak bermakna lagi dalam kehidupan. Apakah seseorang itu sanggup membunuh anaknya demi untuk mempertahankan adat. perkara inilah sebenarnya perlukan penjelasan yang lebih terperinci mengenai adat pepatih.

Dalam hal ini sebenarnya adat itu bersendikan syarak. sendi itu punya asas yang tersendiri yakni syarak. Syarak pula bersendikan kitabullah. Kitabullah itu Al-Quran justeru itu adat ini tidak boleh lari dari agama. Agama pula tidak akan lari dari kitabullah atau Quran. Kita sebenarnya tidak dapat lari juga dari adat. Kerana hidup ini dikandung adat mati dikandung tanah. Tentang kelas yang mengatakan 'Biar mati anak jangan mati adat' sebenarnya tiada sesiapa pun yang inginkan anaknya mati percuma, tetapi sebenarnya ia ingin menegaskan betapa patuhnya kita memegang adat itu kerana adat itu adalah keadilan atau undang-undang. Undang-undang hanya baru dicipta sedangkan adat sejak dari dahulu lagi. contohnya bagi adat
siapa yang membunuh
akan dibunuh,

ianya sesuai dengan saranan al-quran. Tetapi ianya perlu juga dengan saksi-saksi dan bukti yang sahih. Jadi, katalah yang dihukum itu adalah anak kita sendiri. Kalau mengikut adat kita tidak boleh mempertahankan anak kita sendiri kiranya anak kita itu benar-benar didapati bersalah maka kita perlu menerima hakikat itu mengikut hukum adat atau keadilan. Ianya tidak boleh diibaratkan ayam hitam hinggap di dahan yang rimbun bila terbang malam. Tapi, ibarat ayam putih terbang siang hinggap diranting yang mati. Kalau terpijak benang arang hitam tapak kaki, tergegar kebatang renet panas miang jadinya. Justeru itu kita tidak dapat mengelak kok kena ke mata tak dapat untuk kita picingkan kalau kena ke dada tak dapat kita busungkan, kalau ke perut tak dapat untuk kita kempiskan. Peraturan adat dan hukuman yang sejelas-jelasnya terpaksa kita terima.

Kita menggunakan adat tidak memakai hukum atau undang-undang. Ini merupakan satu lagi keunikan di Negeri Sembilan. Kalau berbalik pada sejarah sebenarnya kita tidak lari daripada undang-undang atau perlembagaan cuma adat itu telan diperkuatkan lagi dan diperbuat cara ilmiah. Zaman dahulu adat atau hukum itu tidak ada cara tulisan seperti sekarang tetapi dihafal dan dihayati oleh setiap kalangan masyarakat. Adat itu pula telah diamalkan sejak zaman berzaman jadi masyarakat berhamoni. Jika dibandingkan dengan zaman sekarang undang-undang itu ditulis berjela-jela tetapi masyarakat tidak menghayatinya jadi masyarakat akan terus melanggar undang-undang. Sebenarnya adat itu berjalan seiring dengan perlembagaan.

Apa yang diperkatakan diatas tadi berhubung dengan hukum kemasyarakatan. Oleh kerana kehidupan zaman sekarang terutama masyarakat bandar maka hukum kemasyarakatan itu menjadi longgar. Maka itulah wujudnya 'semangat kejiranan'. Tetapi dikawasan kampung ianya masih lagi diibaratkan seperti kata kias,

Kita duduk berpalehan
dekat rumah dekat kampung
kok selaman sepermainan
seperigi sepermandian
kok segayang sepegeleran
sejamban seperulangan
muafakat tak berubah
rahsia tak bertukar
ibarat labu menjalar ke hulu
pucuknya sama kita gentas
buahnya sama kita ambil
pangkalnya sama-sama kita pupuk.

Dalam soal bekerjasama pula,

Ke bukit sama kita daki
kok ke lurah sama kita turunkan
kelaut sama kita renang
yang berat sama dipikul
yang ringan sama dijinjing
hatf gajah sama dilapah
hati kuman sama dicecah

Hukum Nikah Kahwin.

Di Negeri Sembilan dan di Rembau khasnya kita masih menggunakan adat pepatih dalam soal nikah kahwin. Ianya bermula dengan perbincangan antara kaum kerabat atau saudara mara. Selepas upacara itu pihak wakil lelaki akan pergi ke pihak perempuan untuk merisik andai atau merisik khabar. Peristiwa ini juga dinamakan menghantar cincin tanya. Antara kata kiasnya berbunyi

Kita ini hidupberkeuntungan
mati berkumallah
maka bersemenda saya kepada datuk
orang semenda bertempat semenda
disuruh pergi dipanggil datang
maka datang saya
atas kebulatan resam semenda saya
pergi kerana disuruh
bernenti kerana ditegah
dari tempat semenda membawa sembah
disuruh menghantar cincin sebetuk
dan menerima cincin sebetuk
tempat yang lama mengadakan anak-anak
tempat yang baru mengadakan ipar lama
untung silaelaki ditanya-tanyakan
untung anak perempuan nanti-nantikan
dalam pada itu ada pula kilat yang memancar
risik yang mendesus, duai yang merangkak
kata yang berjawab
gamit yang berkecapi
mengilet-ngilat cincin yang sebetuk
antara orang semenda bertimbal balik
inilah dia sebagai tanda rupa
maka dikeluarkanlah cincin tu.

Selepas wakil perempuan menerimanya. Ianya akan dijawab oleh wakil pihak perempuan, katanya

Memanglah kita duduk berpalerehan
hidup bersuku-suku
pandang ke hulu
tiada pula pucuk yang terkulai
pandang ke hilir
tiada pula batang yang melintang
adat pula tak menghalang (Tidak sesuku)
kemudian, diharuskanlah semenda menyemenda
maka tempat yang lama mengadakan anak
maka tersemendalah saya disini
untung lelaki ditanya-tanyakan
untung perempuan dinanti-nantikan
maka datuk pun datang menghantar cincin
maka dek saya menerimalan
bak kata orang, jika osa sekata
tempat menyemenda
kok osa sekata, kata saya balikkan
kok osa tak sekata,
cincin saya balikkan

maka dibalas lagi oleh wakil pihak lelaki, dengan
kias kata yang berbunyi;

cincin sebertuk menanya ibubapa
cincin dua bentuk osa sekata
kok osa sekata, kata dibalikkan
kok tak osa sekata
cincin dibalikkan
osa sekata janji diikat
janji dibuat dimuliakan
dalam janji digaduhkan
sampai janji ditepatkan
helah silelaki lancar
helan si perempuan ganda
sakit silelaki labi kepada perempuan
sakit perempuan lari kepada lelaki
cacat cela dikembalikan
sawan gila luar janji

Sebenarnya dalam kata-kata yang disebutkan itu mengandungi
syarak yang perlu dipatuhi oleh pihak lelaki dan pihak
perempuan bertujuan untuk kebaikan bersama. Dan daripada
kata-kata itu juga jelas kepada kita ciri-ciri demokrasi,
dan diplomasi antara dua pihak. Inilah sebenarnya inti
pokok yang terkandung dalam adat pepatih.

Selepas itu (Pihak perempuan telah menerima cincin
tanya). Pihak perempuan akan mengumpulkan saudara-maranya
untuk dibawa berunding samada menerima atau menolak permintaan
pihak lelaki tersebut.

Kesemua kaum keluarga sesuku dari yang dekat hingge yang jauh akan datang berkumpul. Dalam perkumpulan itu ada juga kata-kata yang disebut, antaranya ialah

Hidup berpetuntungan mati berkumallah
untung kepada saya
tersemenda pada datuk
tempat yang lama
mengedakan anak
tempat yang baru
mengedakan iper lamai
untung lelaki ditanya-tanyakan
untung perempuan dinanti-nantikan
dalam menanti untung pun datang
sudahlah saya menerima cincin sebetuk
hari ni, nan dah saya jemputkan
nan dekat dah saya kamponkan
saya pulangkan cincin yang saya terima
kepada datuk,
itulah saja sembah saya.

Satu tujuan yang jelas kepada kita tentang kata-kata tersebut adalah erti pemuagakatan itu wujud diantara masyarakat. Dalam apa nal sekali pun perbincangan dan mendapat persetujuan ramai adalah penting bagi menyaksikan sesuatu pekerjaan yang hendak kita jalankan itu berhasil, apatah lagi dalam kerja yang berhubung dengan nikah kahwin. Begitulah halnya betapa dalam sesuatu tindakan itu peranan sanak saudara itu penting. lebih-lebih lagi dalam menentukan nasib masa depan seseorang.

Selepas perbincangan antara pihak perempuan dijalankan maka wakil dari pihak perempuan harus pergi kepada pihak lelaki untuk memulangkan kata tanda samada bersetuju atau tidak. Kalau bersetuju maka ianya tersimpul dalam kata-kata adat yang berbunyi

sakit bermula
mati bersebab
hujan berpokok
kata berpangkal
awal berpermulaan
akhir berkesudahan
kedatangan datuk dulu
membawa cincin tanya kepada saya
mengikut penyemenda
dek saya menerimalah
akan tetapi janjinya teguh
padangnya lebar

nan jauh dah saya jemputkan
nan dekat dah saya kamponkan
segala tempat semenda saya
menerimaian cincin ini
hari ini kedatangan saya kepada datuk
untuk membalik kata
serta mengikat janji yang teguh

selepas daripada ini akan diadakan perbincangan
mengenai tarikh untuk dilangsungkan majlis kerja
kahwin tersebut dan sebagainya. Bagi daerah-daerah
tertentu seperti Sungai Ujong dan beberapa tempat
yang mengamalkan adat pepatih akan terdengar satu
persimpulan adat semasa hari perkahwinan, katanya;

Hujan berpokok
kata berpangkal
sakit bermula
mati bersebab
mengaji dari alif
membilang dari sa
perbilangan pada yang tertua
perkhabaran pada yang kecil

Sepertama kalam Allah
kedua kalam Nabi
ketiga kalam nan tua
ke empat resam negeri
hidup berkeuntungan
mati berkumallah
bagi kala Allah
rezeki dimakan
pertemuan dinikahi
tanah berbaris dikuburi
bagi kalam Nabi
berlukis, berlembaga, bernadis, berdalil
berlepas bermakna
bagi kalam nan tua
berteras berteladan bersesap berjerami
nan di ucul dipakai
nan dipesan dibiasakan
turun temurun dari nenek moyang
syariat,
Orang berbahasa kita menerima
dunia berganti-ganti
sekali di orang sekali di kita

kemudian di selit pula dengan kata-kata;

Selilit pulau perca
selimbang Tanah Melayu
sealam Minangkabau
untung sekali
malang berturut
untung tak boleh di raih
malang tak boleh ditolak
untung melambung
malang menimpa
hidup dikandung adat
mati dikandung tanah
maka beruntunglah kita
bersuku berwaris
jauh pun ada
dekat pun ada
kok jauh didengar-dengarkan
kok dekat dipandang-pandang

upacara ini dinamakan mengisi adat. Dimana ia dijalankan semasa sebelum upacara nikah kahwin dijalankan. Seringkali upacara ini dijalankan oleh masyarakat di Kuala Pilah tetapi oleh kerana zaman berubah maka upacara seperti ini sudah jarang benar diamalkan oleh masyarakat yang mengamalkan adat pepatih ini. Ianya dibaca oleh kedua-dua belah pihak samada lelaki atau perempuan dan ianya dibatal untuk mencari makna yang tersirat. Kata-kata diatas tadi akan dibalas pula oleh sebelah pihak lagi, antara kata-katanya;

Menerima orang semenda
ditentukan dengan benar
dengan muafakat
kok ada berkata ada
kok tidak berkata tidak
ke baruh sawah nan berlopak
lantak nan bertukul
ke darat kampung nan sesudut
pinang nan sebatang
tempat ke bukit mencari minuman
tempat ke lurah mencari makanan

ianya menggambarkan kampung orang perempuan tersebut. Bagi orang yang datang bernikah ke tempat itu, ianya dinamakan orang semenda, katanya ;

kok mencari kepala yang tak bersongkok
mencari belkang yang tak bersarik
mencari perut yang tak berisi

lama-kelamaan mengadakan anak
silelaki ada perempuan pun ada
sehari ada sehari bernama
sehari berhubungan dengan emak bapanya

Orang Semenda ; bermaksud orang lelaki yang datang
berkahwin ketempat perempuan tersebut. Contohnya,
orang dari Kuala Pilah datang berkahwin ke Rembau
ini bermakna orang Kuala Pilah datang menyemenda
ke Rembau. kalau dia sama dia yang berkahwin dinamakan
'Biras'. ianya dipanggil atau diibaratkan perahu
bertambatan, ibarat dagang bertepatan. Mereka tidak
terbuang sia-sia. Masyarakat adat pepatih ini pula
menerima apa saja jenis orang. Tidak kira dimana
asalnya. Orang lelaki dari pinak perempuan pula
dinamakan orang tempat semenda. Jadi itulah yang
disebutkan orang semenda bertempat semenda. orang
semenda ini mempunyai statusnya yang tersendiri.
Ianya boleh disimpulkan dalam perbilangan adat

orang semenda bertempat semenda
ibarat perahu bertambatan
ibarat perahu bertepatan

Ini bermakna orang yang datang itu tidak terbuang
sia-sia. Seolah-olah datang berjemput dan pulang
pula berhantar. Datang nampak muka pulang pula
nampak belakang. mereka tetap dihormati. Manakala
kehadiran mereka punya tugas atas kebolehan mereka
sendiri. Ini dapat dilihat dalam perbilangan adat

menghubungnya hendakkan panjang
kalau nak menyebar hendak lebar
kok tak menambah, menjaga

manakala tugasnya pula,

membela kampung nan sesudut
menjadikan sawah nan selopak
menugal benih di huma

Orang semenda bertempat semenda;
kok cerdik hendakkan rundingannya
kok bodoh disuruh arah
kok kuat kepala lawan
kok tegap buat penumpang
kok lembik buat pengemang
kok alim hendakkan doanya
kok jahil hendakkan aminnya

kok kaya hendakkan emasnya
kok miskin hendakkan kerjanya
yang tepok menghalau ayam
kok buta menghembus lesung
kok pekak membakar meriam
yang kurap mengendar buluh

Begitulah secara sepintas lalu antara tugas-tugas orang semenda. Dalam sistem tanah pusaka pula orang semenda hendaklah kehadirannya dengan menjaga pusaka orang perempuan yang dikahwini.

Sistem pusaka pula terbahagi kepada dua. Pertama, pusaka dari segi jawatan contohnya pusaka dato' Lembaga, pusaka Dato'Undang atau pusaka Buapak Kedua, pusaka dari segi harta seperti tanah. Pusaka ini tidak boleh dijual beli. Tetapi dipusakai sejak turun temurun. Dan dipercayai harta pusaka ini tidak akan terlepas kepada suku yang lain. Banyak juga persoalan tentang harta pusaka ini. Contohnya kenapakah hanya orang perempuan di negeri adat pematih saja yang berhak mewarisi harta pusaka. Sebenarnya ianya adalah bertujuan untuk menjaga kedudukan orang perempuan. Dipercayai orang perempuan itu adalah dari golongan yang lemah.

Adat itu bertegak di atas tanah. Ini bermakna ada tanah maka adalah adat. adat itu pula bertempat. Maka tanah pusaka ini terpelihara dalam kanun tanah negara bab 215. Dimana tanah pusaka ini hendaklah dipusakai kepada orang-orang tertentu (Waris dari suku yang sama). Semasa penurunan tanah pusaka itu hendaklah dilaksanakan oleh Dato' lembaga. Dengan itu sekiranya ada atau berlaku bercerai berai antara pasangan suami isteri maka sudah tentulah orang perempuan itu tidak akan terbiar begitu sahaja kerana hak mereka sebagai waris tetap terpelihara. Justeru itu adat pematih itu akan memelihara kaum wanita.

Adik beradik lelaki pula bukanlah tidak punya hak langsung keatas tanah pusaka tadi tetapi ia juga boleh didaftarkan bukan sebagai pemilik tetapi hanya mendapat hak untuk memakan hasil seumur hidup. Dalam al-Quran mengatakan $\frac{2}{3}$ daripada hasil atau tanah pusaka itu hendaklah diberikan kepada kaum lelaki. Kaum perempuan hanya berhak keatas tanah tersebut sebanyak $\frac{1}{3}$ sahaja. Dalam sistem adat pematih sebenarnya kesemua harta pusaka yang dimiliki oleh

pihak perempuan itu adalah telah diwarisi dari turun-temurun. Jadi, walaupun selepas berkahwin maka orang lelaki tidak berhak keatas tanah tersebut melainkan tanah fraid. Yakni, tanah yang dimiliki selain dari tanah pusaka milik orang perempuan tadi boleh dimiliki oleh orang lelaki. Ada perbilangan adat menyatakan harta dapatan tinggal, harta carian bahagi, harta pembawaan kembali, yang dinamakan dengan harta dapatan itu adalah harta pusaka milik kaum perempuan yang dikehendaki tadi. Maka, kiranya ada penceraian harta ini tidak boleh disentuh oleh pihak lelaki. Harta carian bahagi bermaksud, harta yang didapati selain daripada harta pusaka tadi. Manakala harta pembawaan kembali pula merupakan harta yang dibawa oleh pihak lelaki, contohnya pemberian ibu-bapa lelaki tadi semasa beliau berkahwin. Maka harta itu bolehlah diambil kembali oleh pihak lelaki.

Dalam sistem adat pepatih sebenarnya bertujuan memberi kebaikan atau membawa kejayaan kesejahteraan mengikut luras-lurus keadilan dalam hukum syarak. Tetapi, sekiranya terdapat sesuatu yang tidak baik berlaku maka tidak boleh disalahkan kepada hukum adat pepatih tersebut tetapi orang yang kurang memahami atau kurang mengenali sistem adat pepatih inilah yang sepatutnya disalahkan. Orang semenda misalnya, ada juga kekurangan mereka. antaranya

orang semenda sahaja. Irtinya dia tidak membawa baka atau keturunan dalam kehadirannya pada sesuatu suku atau orang tempat semenda tersebut.

Orang semenda bapak budak. Tidak membawa kemajuan pada tempat kehadirannya tersebut. Orang seperti ini diibaratkan seperti kelelawar terbang malam. Bila malam dia timbul, bila siang tek nampak batang hidungnya.

orang semenda langau hijau; Ibarat seperti langau, hanya hadir ditempat yang busuk sahaja. Ia juga diletakkan kepada orang semenda yang meninggalkan isterinya selepas mengandung, begitu juga orang yang membuntingkan perempuan lain dalam suku isterinya.

Orang semenda kumbang jantan. Orang yang hanya menghabiskan harta isterinya sahaja. Ibarat kumbang yang membuat lubang ditiang-tiang. Bertujuan untuk memunahkan sahaja.

Orang semenda alas tempat orang semenda; iaitu orang semenda yang unggul. Orang semenda yang berguna yang menguatkan satu-satu suku. Kebijaksanaananya tidak menghilangkan rasa hormatnya pada orang tempat semenda tersebut.

Kahwin sesuku tidak digalakkan bertujuan untuk menambahkan bilangan saudara mara. Begitu juga adat pepatih mengibaratkan kahwin sesuku itu seperti kahwin diantara adik beradik maka itu ianya tidak begitu digalakkan. Selepas beberapa keturunan maka amalan kahwin sesuku ini tidak begitu diperketatkan lagi kerana jarak perhubungan diantara satu keluarga dengan sukunya yang lain sudah berada agak jauh. Mereka juga mungkin bertemu hanya sekali-sekala. Tetapi kalau mereka melangsungkan perkahwinannya di kampung. Datuk lembaga berhak mendenda mereka. Antara dendanya adalah seperti buang daerah. Anak-anak mereka pula tidak boleh menyandang pusaka Dato' lembaga, Dato' Undang atau pusaka-pusaka jawatan adat yang lain. Denda seekor kerbau, duit, 50 gantang beras dan yang lain-lain. Dari segi keagamaan juga ianya tidak digalakkan. Jika dikahwin tanpa pengetahuan Dato' lembaga maka ianya tidak akan didenda itu pun kiranya perkahwinan tersebut berlangsung diluar daerah. Tetapi kiranya berita tersebut sampai ke pengetahuan Dato' lembaga dan pada satu masa nanti mereka pulang dan menetap dikampung tersebut maka Dato' lembaga tersebut berhak untuk mengambil tindakan.

Kepada mereka yang telah dibuang daerah. Maka ianya mengikut budi bicara untuk diterima kembali cuma dalam jangka masa sekarang adat itu sama juga seperti hukum agama, ada kelonggarannya. Justeru itu dalam sistem adat juga ada kekecualiannya. Seseorang lelaki juga jarang didapati berkahwin sesama suku. Kemufakatan adalah penting bagi mendapatkan keputusan yang mutlak dalam membentuk kemajuan. Andainya adat itu menghalang kemajuan maka ianya perlu dikaji semula. Kadangkala adat terpaksa tunduk kepada muafakat. Adat pula boleh sering berubah-ubah mengikut masa yang sesuai demi untuk melihat kemajuan.

Andaikata terdapat antara lelaki yang berkahwin sesuku dan ianya pula dipersetujui oleh permuafakatan maka mereka dikenakan denda atau dam sebanyak \$7.20 ini bagi mengelakkan bush mulut orang ramai. Nilai \$7.20 itu adalah merupakan kiraan nilai zaman dahulu. Jika dibandingkan dengan zaman sekarang mungkin nilainya sudah menjangkau sepuluh kali atau seratus kali ganda. Maka itu nilai sebanyak \$7.20 itu tidak boleh dipandang ringan oleh masyarakat. Dan ianya juga bergantung pada jenis kesalahan atau perkara sumbang dek mata yang telah dilakukan. Ada sumbang perjalanan, ada juga sumbang pemandangan, sumbang pergerakan. Ini yang dinamakan bertimbang salah. Pada masa sebelum didirikan mahkamah syariah, Dato' Undang pada masa itu tidak dipanggil

Dato' Undang seperti gelarannya sekarang tetapi dipanggil sebagai penghulu. Penghulu itu akan menjatuhkan hukuman seperti seorang hakim. Manskala kesalahan itu pula tidak semestinya terus dibawa ke pengetahuan penghulu atau Dato' Undang. Kalau tidak dapat diselesaikan permasalahan mereka maka perkara itu dibawa ke pengetahuan buapak terlebih dahulu, kiranya tidak selesai juga dibawa pula ke pengetahuan Dato' lembaga dan seterusnya barulah dibawa ke pengetahuan Dato' Undang. Perkara kecil tidak perlu diperbesar-besarkan.

Secara keseluruhannya, hukum nikah kahwin dalam adat pepatih tidak hanya membawa keuntungan kepada individu yang berkahwin itu, tetapi juga kepada seluruh suku tersebut. Justeru itu perkahwinan dalam adat pepatih sebenarnya memperatkan lagi kekuatan sesuatu suku itu. Sememangnya salah satu fungsi adat adalah bertujuan untuk mencapai perpaduan dalam kemasyarakatan.

Pergaduhan suami-isteri pula dalam adat pepatih sebenarnya mengikut hukum islam juga. Pergaduhan hendaklah diselesaikan terlebih dahulu oleh suami isteri. Suami sebagai ketua keluarga perlu bijak mengawal rumahtangga. Selalunya pergaduhan itu berpunca dengan masing-masing cuba lari dari tanggungjawab mereka. Penyelesaian antara kedua belah pihak adalah penting pada peringkat awal tetapi sekiranya terpaksa maka rundingan diperlukan. Kalau perkahwinan dengan cara yang baik maka penceraian juga perlu dengan jalan yang baik. Tanggungjawab ibubapa untuk menasihati anak menantu adalah memainkan peranan juga. Di zaman dahulu penceraian ini jarang berlaku kecuali terdapat kecurangan. Dalam sistem adat pepatih bercerai beral diisyeratkan membayar dendaini bagi menentukan anak-anak mereka mendapat pembelaan yang sewajarnya.

Selalunya dalam satu kampung tinggal dalam satu suku sahaja. Jarang didapati suku lain tinggal dikampung tersebut. Asal nama kampung adalah dari nama kampung yang datang dari minangkabau, Sumatera dimana orang-orang dahulu datang dan menerokai kampung tersebut. Dan mereka menamakan kampung-kampung itu seperti nama tempat asal mereka. Contohnya, Selemak, dipercayai berasal dari kampung selemak yang ada di Sumatera. Lagenda tentang Rembau pula, dipercayai berasal dari nama satu pokok 'Merbau'. Menurut cerita orang tua-tua pokok merbau itu besarnya lilitannya memakan masa selama tujuh hari tujuh malam. Bila ditumbangkan boleh memakan sebanyak empat puloh hidangan. Tingginya pula, daripada Batang Nyamor hingga Semujong, (Sungai Ujong). Kemungkinan tentang

benarnya cerita tersebut tidak dapat diungkapkan kerana ianya mungkin hanya sebuah dongengan.

Tokoh sejarah atau termasyhur yang disebutkan adalah Dato' Abdullah (Undang Luak Rembau ke 18) yang berasal dari Kampong Gadong, Rembau Negeri Sembilan. Sebenarnya, Dato' Abdullah merupakan seorang anak melayu yang mempunyai pemikiran yang jauh lebih maju dari zamannya. Beliau bukan sahaja seorang Dato' Undang yang memperjuangkan pemikiran orang Melayu tetapi juga ahli tidak resmi majlis mesyuarat persekutuan di Kuala Lumpur. Tetapi semasa zaman pemerintahan inggeris dahulu. Pemimpin-pemimpin melayu terpaksa dibenarkan ketokohnya bagi melaksanakan cita-cita mereka.

Undang itu dikatakan bersalasilah. Beliau dipercayai dapat menyusur galurkan keturunan dari pendatang-pendatang Minangkabau. Kenyataan ini memang tepat kerana sehingga sekarang adat pepatih masih kekal dan terus diamalkan di Negeri Sembilan. Undang Rembau juga 'Berteromba', yakni pusaka bergilir dan sebagainya.

Adat itu bukan sahaja sudah tersirat malah telah tersurat. Dokumen yang dapat dikutip dari temuramah ini adalah satu buku dalam tulisan jawi iaitu 'Rembau, sejarah adat istiadat dan perlembagaannya'. Buku ini berasal dari penulisan seorang inggeris iaitu C.W. Cepparr kemudian telah diterjemahkan dalam tulisan jawi oleh Abas HJ. Ali. Seorang penulis dari Kota. Penulisan tersebut telah ditambah dengan adat istiadat perkahwinan oleh Dato' Raja Diraja Mohd Dom. (Telah diserahkan kepada Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan). Buku itu lengkap dan boleh dibuat kajian akademik.

Secara kesimpulannya, Adat itu membawa kebaikan dari segala segi. Baik dari sudut perlaksanaannya, membawa keharmonian, kemasyarakatan dan dari segala aspek kehidupan. Ianya merupakan budaya unik bagi orang melayu pada amnya. Segala tanggapan yang kurang bai terhadap adat sebenarnya bukannya berpunca pada adat itu sendiri tetapi pada sikap pemegang atau pengamal adat pepatih itu. Sebagai orang yang bertanggungjawab untuk memelihara adat pepatih supaya tidak terpuş atau lenyap begitu sahaja. Tanggungjawab yang tersendiri itu tidak kira siapa masing-masing mempunyai peranan untuk mengekal dan

meningkatkan taraf adat pepatih tersebut. Ada ketika-
ketikanya kita perlu bermuafakat dengan anak buah.
Meskipun taraf anak buah itu tidaklah setinggi buspak
dato' lembaga atau Dato' undang sekali pun maka
peluang untuk mereka mengeluarkan buah fikiran adalah
amat penting bagi mendapatkan sesuatu keputusan.
Perjalanan dalam kemasyarakatan hendaklah diambil
tahu oleh orang-orang atasan. Sikap sembil lewa
atau ambil mudah sepatutnya tidak boleh diamalkan.
Kepentingan permuafakatan ini amatlah bermakna bagi
mengekalikan status keunikan adat pepatih di Negeri
Sembilan.

Dato' lembaga juga perlu seringkali mengadakan
pertemuan dan perbincangan untuk menyelesaikan masalah
anak buah mereka. Jika selama ini masing-masing
mengambil sikap tanggungjawab perkara seumpama ini
seperti pergaduhan sewaktu pemilihan Dato'*Dato'
rasanya tidak akan berlaku. Persoalan utama berapa
kalikah dalam seminggu Dato' lembaga membuat mesyuarat
bagi membincang dan menyelesaikan masalah anak buah
mereka. Begitu juga halnya Dato' undang berperanan
untuk menentukan Dato'-Dato' lembaga membincangkan
masalah-masalah anak buah mereka.

Selain dari permuafakatan maka ibaratkan satu
pertubuhan, Jika tidak sering diadakan perbincangan
maka sesebuah pertubuhan itu akan lemah, justeru
dari itu samalah seperti adat pepatih ini. Jika
kita ingin melihat ianya masih terus bertapak dan
berkekalan di Negeri Sembilan. Juga kiranya kita
tidak mahu masyarakat lain mencemuh adat pepatih
ini maka kita perlu menunaikan tanggungjawab kita
sebagai pemelihara sistem adat ini.

Kita juga seringkali memandang rendah kepada
mereka yang kurang tahu tentang adat, tetapi kita
sebenarnya tidak pernah mengerti akan kekhilafan
kita sendiri. Kita tidak pernah mengkaji mengapa
mereka mencemuh dan memandang rendah tentang sistem
adat pepatih ini. Mengapa juga mereka seringkali
mempertikaikan kewujudan Dato' lembaga tersebut.
Kemudian itu, Kenapa juga terdapat kes-kes tertentu
yang berlaku dalam kepimpinan atau tidak sepatutnya
dilakukan oleh Dato' lembaga. Peranan Setiap lapisan
masyarakat untuk menentukan pembangunan adat pepatih
ini amat penting dan bermakna. Kita perlu memaparkan
hukum adat itu bagi melaksanakan dan mempertahankan

keunikan adat tersebut.

Harapan bagi generasi akan datang adalah pertama-tamanya agar mereka cuba memahami perjalanan adat itu sebaik mungkin. Keduanya, melaksana dan mengamalkannya melalui penghayatan dalam kehidupan. Ini bermakna, tanpa pengetahuan dan tanpa kefahaman dalam generasi akan datang maka adat itu tidak mungkin dapat dipertahankan. Akhirnya agar adat itu akan terus diamal dan dipertahankan oleh generasi akan datang. Walaupun kita bukan anak jati Negeri Sembilan maka menjadi tanggungjawab kita untuk menyelidik dan mengetahui tentang hukum hakam adat pepatih tersebut.

Ulasan Penyelidik.

Temuramah hingga lewat malam tersebut telah dilayan baik oleh En. Husin Bin Kasim. Pengalaman dan pengetahuan yang dimilikinya kerana berkhidmat sebagai setiausaha undang selama 15 tahun telah membantu penyelidikan berhubung dengan adat pepatih ini. Sekurang-kurangnya beliau sebagai orang dalam lebih memaklumi tentang kepincangan yang berlaku dalam segi pelaksanaan tentang adat pepatih di Rembau khasnya.

Beliau juga sebenarnya adalah seorang aktivis teater. Beliau pernah memimpin Group Teater Rembau selama 5 tahun sebelum dipecat dari jawatan tersebut. Sememangnya dalam perjalanan yang beliau lalui banyak risiko yang terpaksa dihadapinya dan hal itu dihadapi dengan tenang sehingga sebab-sebab beliau dipecat dapat beliau selidiki dan beliau paparkan.

Temuramah dengan En. Husin Bin Kasim terpaksa dilakukan sebanyak dua hari berturut-turut memandangkan masa yang sesuai untuk menemui beliau hanya pada malam hari sahaja. Dan bagi pihak penyelidikan Budaya Negeri Sembilan mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih diatas kesudian dan kerjasama yang beliau berikan dalam kedua-dua temuramah tersebut.

Adat Perpatih Rembau

Hussin Kasim

OLEH .

FARMAN OTHMANI.